

04 OCT 1999

ASIA AFRIKA-FORUM

FORUM ASIA-AFRIKA TARIK LEBIH 250 PESERTA

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Lebih daripada 250 peserta dari Afrika dan Asia mengesahkan penyertaan mereka dalam Forum Perniagaan Asia-Afrika (AABF) pertama yang akan diadakan daripada 25-29 Okt di Kuala Lumpur.

Dibiayai oleh kerajaan Jepun, AABF adalah satu acara berkaitan sektor swasta yang dianjurkan oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) secara kerjasama dengan kerajaan Malaysia, Agensi Jaminan Pelaburan Pelbagai Hala (MIGA) dari Kumpulan Bank Dunia, dan Malaysia South-South Corporation Bhd (MASSCORP).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka memberi ucapan dalam forum itu.

Matlamat utama AABF adalah untuk menggalakkan perdagangan dan pelaburan antara kedua-dua rantau yang diharap dapat melebarkan lagi ruang lingkup kerjasama Asia-Afrika yang sekaligus akan membuka laluan bagi pembangunan seterusnya rakyat Afrika.

Wakil residen UNDP bagi Malaysia, Singapura dan Brunei, Philips Young, memberitahu persidangan akhbar di sini hari ini bahawa AABF melakukan yang terbaik untuk mengumpulkan bersama-sama golongan perniagaan dari dua benua yang berbeza itu bagi menggalakkan pelaburan dan perdagangan.

"AABF adalah forum yang diberi tumpuan sepenuhnya di mana perniagaan Afrika dan Asia yang mempunyai kepentingan bersama boleh bertemu, berinteraksi dan membentuk kerjasama perniagaan strategik," katanya.

Ketika hubungan perniagaan tradisi negara-negara Afrika kebiasaannya dengan Eropah, Young berkata benua Eropah juga berminat untuk mengembangkan hubungan mereka dengan memasukkan Asia.

Justeru, pengukuhan kerjasama Asia-Afrika adalah penting bagi pembangunan sektor swasta, tambahnya.

Beliau berkata pelancaran inisiatif itu akan menyumbang ke arah situasi semua pihak memperolehi keuntungan di mana ia termasuklah faedah pertukaran pengetahuan dan pakar di antara kedua-dua negara.

Disamping menyediakan peluang bagi Afrika untuk meningkatkan Pelaburan Langsung Asing (FDI) ke Asia, beliau berkata, AABF juga menyediakan hubungan perdagangan yang diperlukan.

-- BERNAMA

RIZ ZK